

MOU sokong kakitangan SP Group tingkat kemahiran

KAKITANGAN syarikat SP Group kini akan mendapat sokongan tambahan untuk mempertingkatkan kemahiran mereka sedang Singapura bergerak maju ke arah masa depan tenaga yang mampan dan menjadi Negara Bijak.

Ini selepas Institut Teknologi Singapura (SIT) dan SP menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) semalam untuk bekerjasama dalam meningkatkan kebolehan pekerja kejuruteraan tenaga negara ini. MOU itu ditandatangani semasa acara Inovasi Tenaga 2022 yang dianjurkan Penguasa Pasaran Tenaga (EMA).

Di bawah kerjasama SIT dan SP selama tiga tahun itu, laluan peningkatan kemahiran berterusan akan disediakan bagi kakitangan SP melalui program sarjana muda sepenuh masa dalam bidang kejuruteraan tenaga elektrik.

Penuntut akan meraih manfaat daripada Program Bekerja Sambil Belajar Bersepadu (IWSP) dan Projek Capstone, yang membolehkan mereka mengamalkan teori yang dipelajari dalam situasi kerja sebenar.

SIT dan SP akan menyediakan peluang pembelajaran di tempat kerja dan projek inovasi yang menangani keperluan baru dalam industri tenaga.

Sebagai permulaan, kohort perintis kakitangan SP akan memulakan program sarjana muda dalam Kejuruteraan Tenaga Elektrik selama tiga tahun di SIT mulai September ini.

Program sarjana muda itu ditawarkan bersama oleh SIT dan Universiti Newcastle.

Sementara itu, EMA dan SIT semalam sama-sama melancarkan permohonan geran kedua mereka bagi saranan penyelidikan dan pengembangan (R&D) dalam teknologi tenaga generasi seterusnya.

Dana daripada program Exploiting Distributed Generation (EDGE), yang dimulakan pada 2019, bernilai \$20 juta akan digunakan untuk membangunkan projek kejuruteraan tenaga inovatif yang akan meningkatkan keupayaan kejuruteraan tenaga dan menyokong peralihan Singapura kepada masa depan tenaga yang lebih mampan.